



Langkah-langkah yang perlu calon pelajar lakukan sebelum melapor diri

PASTIKAN ANDA TELAH MENGHANTAR/POS BORANG JAWAPAN TAWARAN KE PTSB
MAKLUMAN: PEMBAYARAN YURAN BOLEH DIBUAT MULAI 1/09/2019

LANGKAH 1: Bayaran Yuran Pengajian dan Yuran Asrama

Sila jelaskan bayaran yuran melalui **mesin CDM** atau **ATM Bank Islam Malaysia Berhad(BIMB)**.

PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN

Bayar Kepada : **POLITEKNIK KPT** (*Tidak memerlukan nombor akaun*)
 Jenis Bayaran : **YURAN PENGAJIAN**
 Amaun : **RM 200.00**

PEMBAYARAN YURAN ASRAMA

(Bagi calon pelajar yang **menerima tawaran asrama sahaja**)

Bayar Kepada : **POLITEKNIK KPT** (*Tidak memerlukan nombor akaun*)
 Jenis Bayaran : **YURAN ASRAMA**
 Amaun : **RM 60.00**

Bagi calon yang **menolak tawaran asrama**, sila maklumkan kepada **Jabatan Hal Ehwal Pelajar** ditalian 04-4033333 sambungan 2164 / 2166 dengan **SEGERA**.

Peralatan yang disediakan di asrama:

Katil, tilam, almari, meja dan kerusi belajar, langsir, kipas, tong sampah, lampu belajar.
 Cerek dan seterika disediakan di setiap aras.

Peralatan yang perlu disediakan oleh pelajar:

Bantal, sarung bantal, cadar dan peralatan lain yang dirasakan perlu.

Peralatan elektrik yang dibenarkan dibawa oleh pelajar:

Hanya komputer dan printer SAHAJA dibenarkan.

Peralatan elektrik seperti cerek, seterika dan lain-lain akan dirampas oleh pihak pengurusan asrama.

LANGKAH 2: Bayaran Pelbagai

Jumlah Bayaran	DIPLOMA	RM 600.00
	PRA-DIPLOMA	RM 200.00
Cara Bayaran	Sila jelaskan bayaran yuran melalui mesin CDM atau ATM Bank Islam Malaysia Berhad(BIMB) .	
<p>Bayar Kepada : POLI TSB (<i>Tidak memerlukan nombor akaun</i>)</p> <p>Jenis Bayaran : BAYARAN PELBAGAI</p>		

LANGKAH 3: Cetak Dokumen Pendaftaran Pelajar

Sila layari laman web berikut:

<http://ehp.ptsb.edu.my/daftar>

- 3.1 CETAK BUKU PANDUAN PENDAFTARAN
- 3.2 CETAK BORANG PENDAFTARAN – HEP1, HEP2, HEP3, HEP4, HEP5 dan HEP6 *
- 3.3 CETAK BORANG PENDAFTARAN ASRAMA *

* Peringatan : Maklumat pada borang **WAJIB** diisi dengan lengkap

LANGKAH 4: Lakukan Pemeriksaan Kesihatan

Sila lakukan pemeriksaan kesihatan di hospital/klinik kerajaan atau swasta. Bawa bersama **Borang HEP5** ketika berjumpa doktor.

PERINGATAN	Pemeriksaan X-ray adalah diwajibkan. Lekatkan Laporan X-ray pada Borang HEP5. Gambar X-ray tidak perlu diserahkan.
-------------------	--

LANGKAH 5: Cetak Slip Urusan Fotografi

Sila cetak Slip Urusan Fotografi melalui laman web berikut mulai **1/11/2019** :

<http://ehp.ptsb.edu.my/daftar>

LANGKAH 6: Daftar Pengajian Dalam Talian (*Online*)

Pendaftaran pengajian secara *online* dibuka mulai **1/11/2019** dan **SELEPAS TIGA(3) HARI YURAN PENGAJIAN DIJELASKAN.**

Sila layari laman web berikut:

<http://spmp.ptsb.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp>

Catatan	Sila cetak Slip Pendaftaran Pengajian dan bawa semasa hari pendaftaran
----------------	--

MAKLUMAN: Nombor bilik penginapan yang tetap akan diberikan pada hari pendaftaran.

LANGKAH 7: Permohonan Pembiayaan Pendidikan PTPTN

(Bagi calon pelajar Program DIPLOMA yang berminat untuk memohon PTPTN sahaja)

Permohonan adalah dipelawa daripada pelajar-pelajar baharu dan lama (semester dua dan ke atas) Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah yang ingin memohon Pembiayaan Pendidikan PTPTN.

CARA MEMOHON:

1. Dapatkan nombor pin PTPTN di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) – Bayaran RM5.00
2. Membuka akaun simpanan (atas nama pelajar) di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Wang pembiayaan PTPTN pelajar akan dimasukkan ke akaun ini.
3. Membuka akaun e-mel (untuk urusan rasmi PTPTN). Sila pastikan akaun e-mel sentiasa aktif.
4. Membuka akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Ini adalah sebagai syarat untuk memohon pembiayaan PTPTN. Pembukaan akaun SSPN melalui Maybank atau Bank Islam adalah digalakkan untuk mendapatkan nombor akaun SSPN dengan segera.
5. Daftar permohonan pembiayaan secara online di laman web PTPTN di alamat:

<http://www.ptptn.gov.my>

Perhatian:

- i) Pemohon hendaklah mengingati katalaluan yang digunakan semasa mengisi permohonan secara 'online'. (Katalaluan ini akan digunakan untuk membuat semakan kelulusan permohonan serta mencetak dokumen perjanjian).
- ii) Sila pastikan semua maklumat diisi dengan lengkap dan betul semasa pengisian kali pertama supaya tidak timbul masalah di kemudian hari.

Sila rujuk semua panduan dan arahan di laman web PTPTN.

DOKUMEN YANG PERLU DISEDIAKAN UNTUK PERMOHONAN PEMBIAYAAN PTPTN

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | SENARAI SEMAK (BOLEH DICETAK BERSAMA DOKUMEN PERJANJIAN) | - | 1 SALINAN |
| 2. | DOKUMEN PERJANJIAN (BOLEH DICETAK SELEPAS PERMOHONAN DILULUSKAN): | | |
| 2.1 | SURAT TAWARAN | } | - 2 SALINAN |
| 2.2 | AKUAN PENERIMAAN | | |
| 2.3 | SURAT KEBENARAN 1, 2, 3 | | |
| 2.4 | PERJANJIAN | | |
| 2.5 | LAMPIRAN PERJANJIAN | | |
| 2.6 | LAMPIRAN A | - | 1 SALINAN |
| 3. | DOKUMEN SOKONGAN – | | |
| 3.1 | SALINAN SIJIL SPM | } | - 1 SALINAN |
| 3.2 | SALINAN SURAT TAWARAN MASUK KE POLITEKNIK | | |
| 3.3 | SALINAN SLIP AKAUN BANK ISLAM | | |
| 3.4 | SALINAN SLIP GAJI TERKINI PENJAGA 1 & 2 | | |
| 4. | SETEM HASIL RM10.00 | - | 2 KEPING |
| 5. | LAIN-LAIN DOKUMEN SEPERTI DI SENARAI SEMAK (JIKA BERKENAAN). | - | 1 SALINAN |

LANGKAH 8: Menyusun Dokumen Pendaftaran

Sila susun dokumen pendaftaran mengikut tertib berikut: *(Bawa semasa melapor diri)*

Bil.	SET DOKUMEN A	Semakan (/)
1.	Borang Jawapan Tawaran(BJT)	
2.	Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke Politeknik	3 salinan untuk disimpan
3.	Slip Pendaftaran Pengajian Online	
4.	Salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan	
5.	Salinan keputusan SPM yang telah disahkan	
7.	Salinan sijil berhenti yang telah disahkan	
8.	Salinan Slip Bayaran Yuran Pengajian dan Asrama	
9.	Salinan Slip Bayaran Pelbagai	
Bil.	SET DOKUMEN B	Semakan (/)
1.	Slip Urusan Fotografi	
2.	Borang HEP1 – Maklumat Peribadi Pelajar	
3.	Borang HEP2 – Akuan Pelajar dan Akuan Bapa/ibu/penjaga	
4.	Borang HEP3 – Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung	
5.	Borang HEP4 – Kebenaran Bapa/ibu/penjaga	
6.	Borang HEP5 – Laporan Pemeriksaan Kesihatan	
7.	Borang HEP6 – Aku Janji Pelajar	

Bagi **calon pelajar yang menerima tawaran asrama** kepilkan bersama dokumen berikut:
(Bawa semasa melapor diri)

Bil.	SET DOKUMEN C	Semakan (/)
1.	Slip Yuran Asrama	
2.	Borang-borang Pendaftaran Asrama	
	Butiran Peribadi Penghuni Asrama	
	Borang Jaminan Tatatertib Asrama	
	Akuan Terima Kunci.	

PENDAFTARAN PENGAJIAN (LAPOR DIRI) PELAJAR BAHARU SESI DISEMBER 2019

**JADUAL PENDAFTARAN PROGRAM DIPLOMA
PADA 1 DISEMBER 2019 (AHAD)**

Masa	Perkara	Tempat
8.00 pagi – 10.00 pagi	Pendaftaran Pengajian & Asrama.	Dewan Mu'adzam Shah, PTSB.
11.00 pagi – 12.00 tengahari	Taklimat oleh Pengarah PTSB.	Dewan Mu'adzam Shah, PTSB.
12.00 tengahari – 1.00 petang	Rehat (waktu bebas pelajar bersama waris) Ibubapa/waris dibenarkan pulang.	Kafeteria dan dataran asrama.

Catatan :

❖ Semua pelajar program Diploma termasuk pelajar yang menolak tawaran asrama dikehendaki tinggal di asrama sepanjang tempoh Minggu Haluan Siswa pada **1/12/2019 (Ahad) hingga 6/12/2019 (Khamis)**. Sila bawa kelengkapan untuk tinggal di asrama secukupnya.

CALON PELAJAR DIPLOMA SAHAJA

LELAKI : MOHON SEDIAKAN SELUAR PANJANG SLACK BERWARNA HITAM DAN TALI LEHER. BERAMBUT PENDEK DAN KEMAS.

PEREMPUAN : KAIN ATAU SELUAR PANJANG BERWARNA HITAM SERTA TUDUNG BERWARNA HITAM(BAGI PELAJAR MUSLIM)

**JADUAL PENDAFTARAN PROGRAM PRA-DIPLOMA
PADA 8 DISEMBER 2019 (AHAD)**

Masa	Perkara	Tempat
8.30 pagi – 10.00 pagi	Pendaftaran Pengajian Ibubapa/waris dibenarkan pulang	Dewan Mu'adzam Shah, PTSB
2.30 petang – 3.30 petang	Sesi fotografi kad pelajar. Taklimat berkaitan program Pra-Diploma.	

Catatan:

CALON PELAJAR PRA DIPLOMA LELAKI SAHAJA

MOHON BAWA TALI LEHER SEMASA HARI PENDAFTARAN. BERAMBUT PENDEK DAN KEMAS.

A MELALUI MESIN CASH DEPOSIT (CDM) BANK ISLAM

1. Pilih menu YURAN IPT
2. Masukkan **No Kad Pengenalan** Pelajar
3. Pilih POLITEKNIK KPT atau POLI TSB

Jenis Yuran	Pilih Akaun	Jumlah Bayaran
Yuran Pengajian	POLITEKNIK KPT	RM200
Yuran Asrama	POLITEKNIK KPT	RM60 – jika menerima tawaran asrama
Bayaran Pelbagai	POLI TSB	RM600 – bagi diploma RM150 – bagi pra diploma

4. Sahkan data dan masukkan wang
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang
6. Transaksi selesai dan ambil Resit

B MELALUI MESIN ATM BANK ISLAM

1. Pilih menu LAIN-LAIN
2. Pilih menu PEMBAYARAN BIL / YURAN IPT
3. Pilih menu YURAN IPT
4. Pilih Akaun Pembayar (POLITEKNIK KPT atau POLI TSB)
5. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
6. Pilih Bil yang ingin dibayar
7. Sahkan amaun yang ingin dibayar
8. Transaksi selesai dan ambil Resit